

# Dr. M ajak rakyat kerja kuat untuk atasi masalah...

BH 21 NOV 1981  
PULAU PINANG, Jumaat. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang tiba untuk lawatan rasmi ke negeri ini, menegaskan, kerajaan berjanji akan bekerja keras untuk meninggikan taraf hidup seluruh rakyat.

Beliau mengajak rakyat bersama kerajaan bekerja kuat untuk mencapai cita-cita ke arah itu dan mengatasi sebarang masalah yang timbul dengan mengekalkan perpaduan kaum yang ada sekarang.

Beliau membuat seruan ini setibanya di Lapanganterbang Pulau Pinang di sini, dengan pesawat khas tepat jam 9.10 pagi di hadapan lebih 5,000 orang ahli parti komponen Barisan Nasional yang menyambutnya.

Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu dan isteri mengetuai ahli-ahli Exco menunggu beliau turun dari pesawat itu. Perdana Menteri kemudian di sambut dengan permaidani merah dan direnjis air mawar, bunga manggar serta beras kunyit.

## Kawasan Perdagangan

Tarian singa dan paluan gendang mengiringi beliau ke pentas khas di mana Perdana Menteri membuat ucapan rengkas. Beliau kemudian diiringi ke residensi oleh 200 penunggang motosikal dari Pergerakan Pemuda UMNO Negeri.

Di sepanjang jalan melalui kawasan perdagangan bebas Bayan Lepas, Perdana Menteri dialu-alu dengan kibaran bendera Malaysia dan Pulau Pinang oleh beribut pekerja kilang.

Sambutan yang paling hangat pernah diadakan oleh Kerajaan Negeri dapat dilihat di lapanganterbang (terminal lama) hari ini apabila ahli-ahli parti komponen membawa sepanduk dan bendera mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, beliau bangga dengan perpaduan yang dicapai oleh semua kaum di negara ini, tetapi tindakan oleh satu-satu kaum lain mestilah sederhana untuk mengekalkan dan memudahkan perpaduan yang ada sekarang.

Beliau menganggap Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang maju sekali di Malaysia, kerana kedudukannya sebagai sebuah pusat pelancongan dan perindustrian.

Menurut Perdana Menteri, buat sekian lama Pulau Pinang terasing sebagai sebuah pulau. Tetapi di masa depan "Mungkin Pulau Pinang ditukar kepada Pinang sahaja kerana statusnya sebagai pulau akan hilang bila mempunyai jambatan."

Kata Perdana Menteri, jambatan yang akan wujud itu merupakan yang ke 3 panjang di seluruh dunia iaitu sepanjang lapan batu.

"Saya percaya dengan adanya jambatan Pulau Pinang, penduduk negeri ini akan dapat peluang meningkatkan lagi taraf hidup mereka," katanya.

Bagaimanapun, tambahnya, beliau sedar di Pulau Pinang terdapat banyak masalah. "Tapi saya percaya dapat di atasi kalau kita tidak emosional dalam menghadapinya, saya yakin kalau kita dapat berbuat demikian, sebarang masalah dapat di atasi."

Sejurus tiba Perdana Menteri terus ke residensi dan dikurniakan darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N.) oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri, Datuk Dr. Awang bin Hassan.

Berikutnya, Perdana Menteri bersembahyang di Masjid Negeri bersama Yang Dipertua Negeri, dan terdahulunya melawat di sekitar masjid.